M/S : 39

# Pelajar UTHM beri kesedaran isu semasa



Sebahagian mereka yang terlibat dalam persembahan anak patung dan tarian, selepas program berkenaan dijalankan.

**BATU PAHAT** - Pelajar subjek Senitari Tradisi dan Kreatif, Pusat Kokurikulum Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dengan kerjasama Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (Pemadam) telah mengadakan kempen kesedaran kepada masayarakat berkaitan isu semasa.

Kempen tersebut, dilaksanakan melalui pertunjukkan pentas dan bengkel, di mana ia mengetengahkan isu penagihan dadah dan kes kehilangan kanak-kanak serta culik.

Pensyarah subjek berkenaan, Rosdi Abdullah berkata, program 'Bengkel Seni Kreatif dan Puppet Show' ini menggabungkan unsur keilmuan, kegiatan seni dan isu semasa dalam satu persembahan.

Menurutnya, peserta membuat puppet (anak patung) dan mempersembahkan tarian di hadapan 100 ahli Pemadam yang terdiri daripada guru, pelajar sekolah dan penuntut institut pengajian tinggi (IPT).

"Berdasarkan statistik Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, daripada jumlah kes orang hilang yang dilaporkan tahun ini, seramai 2,237 orang atau 45 peratus terdiri daripada kanak-kanak yang berumur 18 tahun ke bawah.

"Sikap segelintir ibu bapa yang mengambil mudah aspek pendidikan awal anak akan merugikan kedua-dua pihak,," katanya.


